



KENYATAAN MEDIA

PERLUASAN KEBENARAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU SERTA PERLAKSANAAN IBADAH KORBAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung Perluasan Kebenaran Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau Serta Pelaksanaan Ibadah Korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah meneliti supaya aktiviti-aktiviti keagamaan bagi memastikan syiar Agama Islam dapat ditingkatkan dan dapat diimarahkan lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Baginda juga menzahirkan rasa bersyukur dengan perkembangan semasa yang mana sehingga kini tiada kes baru positif Covid-19 di negeri Terengganu. Usaha-usaha membendung wabak ini yang telah dilakukan telah menunjukkan hasil yang baik. Kejayaan ini juga terhasil di atas kerjasama dan komitmen semua rakyat jelata yang telah mematuhi setiap Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Maka Mesyuarat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu Kali Kedua 2020 yang bersidang pada 28 Jun 2020 dengan ini mengambil keputusan bersetuju memperluaskan kebenaran aktiviti keagamaan di masjid dan surau berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020 seperti berikut:-

- a) Membenarkan kuliah atau pengajaran agama oleh imam masjid, para Dai'e dan Muallim yang dilantik oleh MAIDAM sahaja selepas solat maghrib dan ditamatkan apabila masuk waktu isyak.
- b) Membenarkan solat sunat.
- c) Membenarkan Solat Jenazah.
- d) Penggunaan ruang selain ruang utama solat untuk ibadah solat seperti beranda masjid.
- e) Penggunaan tandas dan ruang berwuduk kecuali penggunaan kolah air.

Perlaksanaan aktiviti keagamaan di atas hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan serta syarat-syarat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidil Adha tidak berapa lama lagi, maka Mesyuarat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu juga bersetuju beberapa aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan sempena Hari Raya Aidil Adha sebagaimana berikut:

- a) Membenarkan Solat Hari Raya Aidil Adha di masjid dan surau dengan melibatkan jemaah lelaki dan pemastautin sahaja dengan bilangan jemaah mengikut keluasan masjid atau surau.
- b) Jemaah yang hadir diwajibkan mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang ditetapkan.
- c) Ibadah korban boleh dilakukan sama ada di perkarangan masjid atau surau, di halaman rumah, di kawasan lapang seperti padang, Rumah Penyembelihan (*Abattoir*) Jabatan Perkhidmatan Veteriner (DVS) Negeri Terengganu dan Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veteriner (DVS) di Negeri Terengganu atau mana-mana tempat yang bersesuaian dengan kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- d) Membuat permohonan dengan mengisi borang yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- e) Mematuhi Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- f) Mana-mana pihak yang gagal mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban yang ditetapkan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Ta'zir) (Terengganu) 2001 atau Undang-undang yang berkaitan.

Sebarang aktiviti lain adalah tidak dibenarkan dan perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.

Baginda menyeru supaya semua rakyat jelata terus bersabar dalam menjalani norma budaya kehidupan baharu disebabkan wabak Covid-19 sehingga vaksin Covid-19 dan anti viral terhadap virus ditemui dan negara kita khususnya dan dunia umumnya bebas dari wabak ini. Baginda berdoa semoga semua rakyat jelata sentiasa berada di dalam lindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

2 JULAI 2020M BERSAMAAN 10 ZULKAEDAH 1441H